

SINERGI

06/06/2025 / KOMUNITAS



SAUJANA UTAMA, 22 Mei 2025 – Program komuniti khidmat masyarakat Bengkel Fantasi Seni dan Lakaran Seni Mural bersama murid-murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) SMK Saujana Utama ini telah dilaksanakan dengan jayanya pada 21 Mei 2025 bertempat di Dewan Sekolah SMK Saujana Utama dan Ruang Bilik disertai 73 orang murid-murid PPKI dalam lingkungan umur 13-18 tahun. Seramai 55 orang pelajar Semester 4 dan 8, Bidang Senibina Dalam dan diiringi oleh 9 orang pensyarah Bidang Senibina Dalam, dari Pengajian Senibina dan Senibina Dalam bekerjasama dengan Bahagian Jaringan Industri, Komuniti & Alumni (ICAN), Fakulti Alam Bina, UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam untuk merealisasikan program khidmat masyarakat bersama komuniti setempat.

Bengkel seni ini telah dirancang oleh pensyarah Senibina Dalam, IDr Ts Norji Nasir selaku pengarah program khidmat Masyarakat bersama Koordinator kursus IAD489 *Design Seminar*, Madam Turkan Sultan Yasar Ismail bertujuan untuk berkongsi ilmu mengenai teknik-teknik seni lukisan serta proses lakaran seni mural bagi menceriakan bilik darjah. Selain itu, program ini dapat mencungkil bakat seni yang terpendam di kalangan murid-murid Istimewa di dalam kelas PPKI SMK Saujana Utama. Bengkel Fantasi Seni ini mendapat kerjasama menyeluruh dari pihak sekolah serta pihak Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. Program ini juga mendapat sumbangan

dalam bentuk 'in-kind' dari Syarikat Kansai Paint Asia Pasific yang telah menyumbangkan cat-cat yang berbagai warna bagi menghiasi dinding bilik darjah murid-murid PPKI.





Program yang berlangsung telah berjaya menarik minat murid PPKI SMK Saujana Utama ini untuk menghasilkan karya seni dan lakaran seni mural. Dua bahagian dinding telah dilakar bagi menceriakan suasana bilik darjah agar memberikan suasana yang selesa dan tenang untuk proses pembelajaran. Warna-warna cat yang digunakan berjaya menaikkan keharmonian ruang bilik darjah tersebut. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan mendapat kerjasama yang baik di antara murid-murid dan guru-guru sekolah kerana menunjukkan kesungguhan menghasilkan seni yang diimpikan.

Secara keseluruhannya, program Bengkel Fantasi Seni dan Lakaran Seni Mural ini berjaya menarik minat dan kesungguhan di kalangan anak-anak murid. Program ini telah berjaya memberikan fokus yang tinggi di kalangan murid-murid dalam bekerja secara berkumpulan untuk merealisasikan impian mereka.

Penganjuran program ini amat penting sebagai satu usaha menjayakan program khidmat masyarakat ‘*University Social Responsibility*’ antara pelajar senibina dalaman, UiTM Cawangan Selangor, industri dan juga alumni di mana ianya boleh memberi impak ‘*Knowledge Transfer Program*’ (KTP) kepada komuniti. Ianya juga dapat membuka peluang dan pengalaman yang baru untuk mengembangkan bakat graduan Senibina Dalaman bersama komuniti.

[f Share](#)
[X Post](#)
[in Share](#)

Tags: [Bengkel Fantasi Seni](#), [Knowledge Transfer Program \(KTP\)](#), [Kolej Pengajian Alam Bina \(KAPB\)](#), [SMK Saujana Utama](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

< FSK E-Fest 2025: Persatuan Pelajar dan MASMED
Perkasa Usaha Keusahawanan dan Kesedaran
Kesihatan

Lawatan Penanda Aras Hospital Al-Sultan Abdullah
(HASA) ke Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu
(InQKA) >

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul
Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000



Copyright © 2026 UiTM NewsHub | Theme by: Theme Horse | Proudly Powered by: WordPress